

SOALAN NO: 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH

TARIKH: 19 MEI 2016

SOALAN:

Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha untuk melonjakkan gaji pekerja kerana separuh (kira-kira 7 juta orang) daripada mereka hanyalah menerima gaji bawah RM 1,575 sebulan pada tahun 2014 iaitu mereka terus berada dalam kumpulan B40.

PR-1342-L74022

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, bagi melonjakkan gaji golongan pekerja agar tidak terus berada dalam kumpulan B40 seperti yang dimaklumkan, salah satu pendekatan oleh Kerajaan adalah melalui kajian Perintah Gaji Minimum sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 2 tahun selaras dengan peruntukan Akta Majlis

Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) yang mana kajian ini akan dibuat oleh Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN).

2. Dalam membuat semakan semula Perintah Gaji Minimum pelbagai faktor akan diambil kira termasuklah indikator-indikator sosio-ekonomi antaranya kos sara hidup, kadar produktiviti, gaji penengah (keupayaan majikan untuk membayar gaji minimum), kadar pengangguran dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Menerusi Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Tahun 2014, menunjukkan paras pendapatan penengah bagi kumpulan isi rumah B40 telah meningkat daripada RM1,852.00 pada 2012 kepada RM2,629.00 pada tahun 2014. Pertumbuhan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 17.5%.

4. Walau bagaimanapun, dasar gaji minimum bukanlah satu-satunya dasar dalam membantu meningkatkan kadar gaji golongan pekerja B40 di negara ini. Terdapat pelbagai dasar lain yang telah digariskan oleh Kerajaan antaranya program e-Rezeki sebagai pendekatan penjanaan pendapatan tambahan, sokongan keusahawanan melalui kerjasama pihak SME Corp, Tekun Nasional dan AIM serta program pelaburan Amanah Saham Wawasan (ASW), Amanah Saham 1Malaysia (AS1M) dan Amanah Saham Gemilang.